

PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN : NO. 497

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar baru dan halatuju Kerajaan bagi membantu sosioekonomi Orang Asli daripada segi bekalan utiliti, tapak pertanian dan pendidikan.

JAWAPAN

(Pendidikan)

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited bagi meningkatkan masyarakat Orang Asli dalam usaha memajukan masyarakat berkenaan khususnya terhadap aspek ekonomi dan pendidikan agar seiring dengan kaum lain di Malaysia melalui pelan perancangan pembangunan secara menyeluruh iaitu Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli Tahun 2016 – 2020 di dalam Fokus 3 Teras Strategik : Modal Insan dan Kemahiran Belia, antaranya :

- (a) Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- (b) Program Kecemerlangan Pendidikan
- (c) Program Jejak Siswa
- (d) Program Pembangunan Minda Insan
- (e) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
- (f) Program Memperkasakan Institusi Sosial

Bekalan Utiliti

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) komited bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat Orang Asli melalui pelan perancangan pembangunan secara menyeluruh melalui Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli Tahun 2016 – 2020 di dalam Fokus 2 iaitu menyediakan kemudahan prasarana di perkampungan Orang Asli meliputi bekalan utiliti seperti bekalan elektrik dan bekalan air.

JAKOA bekerjasama dengan kementerian serta agensi-agensi berkaitan untuk menyediakan bekalan utiliti tersebut kepada penduduk Orang Asli namun ianya tertakhluk kepada peruntukan pembangunan yang telah diluluskan.

Tapak Pertanian

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah merancang Pelan Strategik JAKOA 2016-2020, kemudiannya diterjemahkan menjadi teras strategik dan program yang memandu pembentukan pelan-pelan tindakan. Di bawah Fokus 4 Ekonomi Mampan, teras strategik untuk meningkatkan pendapatan masyarakat orang asli telah menggariskan sebanyak tiga (3) program untuk pertanian/perladangan. Melalui program ini keluasan tanah rizab Orang Asli dapat dioptimumkan penggunaannya melalui pelaksanaan Projek Pertanian/Penternakan/Perladangan.

1. Projek Perladangan

Dalam usaha melonjakkan pembangunan ekonomi yang berdaya maju kepada masyarakat Orang Asli, projek perladangan di bawah Program Tanam Semula Komersial (TSK) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Rancangan Orang Asli (ROA) dengan kerjasama Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah melaksanakan 204 projek berkeluasan keseluruhan 30,545.4 hektar sehingga Jan 2019 dengan pulangan faedah kepada 13,021 peserta Orang Asli yang menerima dividen sebanyak

RM350 hingga RM1,000 sebulan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi. Selain itu, peserta juga diberikan peluang pekerjaan sebagai buruh ladang untuk menambah pendapatan. Sehingga kini, sebanyak 34 buah ladang telah diserahkan kepada peserta untuk diuruskan oleh peserta sendiri.

Untuk mengurangkan kebergantungan JAKOA terhadap agensi RISDA dan FELCRA di bawah skop perladangan, JAKOA juga telah memperluaskan Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) yang diimplementasikan sebagai konsep perladangan dengan upah berinsentif (*incentive wage concept*) kepada masyarakat Orang Asli di bawah B40. Selain daripada insentif, peserta akan dibekalkan dengan latihan secara teori dan praktikal mengenai tanaman komoditi dan mengusahakan ladang dengan sendiri.

2. Program Hands Holding

Menerusi program ini, JAKOA memperuntukkan maksimum RM 10,000 kepada setiap projek Pertanian/Penternakan/Perikanan untuk masyarakat Orang Asli. Hasrat program ini adalah supaya peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan sasar tercapai seperti yang dirancang. Bagi tahun 2019 sebanyak 20 projek Pertanian/Penternakan/Perikanan yang dicadangkan untuk masyarakat Orang Asli meliputi seluruh Semenanjung Malaysia dengan 142 orang peserta. Dalam usaha memantapkan Program ini JAKOA juga akan menjalankan usahasama rapat antara agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar untuk mendapatkan teknologi-teknologi terkini bagi memperkasakan petani dalam kalangan Orang Asli.

3. Program Bantuan Input Pertanian

JAKOA juga menyediakan Bantuan Input Pertanian sebagai usaha menggalakkan Orang Asli untuk mengusahakan aktiviti pertanian dan ternakan di perkampungan mereka. Pada tahun 2019 JAKOA mensasarkan seramai 462 Orang Asli akan menerima bantuan ini. Bantuan input pertanian meliputi, baja, anak pokok, dan peralatan pertanian. Disamping itu, Program Pengembangan Pertanian akan disusuli bagi memberi pendedahan asas kepada masyarakat Orang Asli yang

terlibat secara langsung atau tidak langsung berkaitan pertanian/penternakan/perikanan.

Selaras juga dengan fungsi JAKOA bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup dan ekonomi masyarakat Orang Asli, JAKOA akan meneruskan inisiatif yang telah dirancang melalui Pelan Straregik JAKOA 2016-2020 melalui penyaluran insentif dalam program keusahawanan supaya masyarakat Orang Asli boleh keluar dari belunggu kemiskinan.

Melalui pelan perancangan yang telah disusun, pihak JAKOA akan memastikan pengagihan bantuan adalah secara inklusif serta mengambil kira kepentingan dan faedah semua pihak. Program-program pembangunan ekonomi ini akan dilaksanakan oleh JAKOA atau dengan kerjasama Kementerian dan Agensi lain yang berkaitan. Kandungan program juga telah disusun serta mengambil kira perubahan situasi dan keperluan ekonomi semasa agar program yang dijalankan sesuai dan seiring dengan perkembangan masyarakat arus perdana.

Berdasarkan kepada Fokus 4 Pelan Strategik JAKOA : Ekonomi Mampan, pelbagai bantuan berbentuk geran telah disusun untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat Orang Asli. Terdapat empat (4) bidang pengkhususan yang ditekankan iaitu memperkasakan usahawan sedia ada, meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam bidang keusahawanan, memperkasakan Koperasi Orang Asli dan meluaskan pemasaran produk usahawan Orang Asli.

Bagi **memperkasakan usahawan sedia ada**, pelbagai kursus keusahawanan dan koperasi telah dirancang untuk dilaksanakan seperti kursus perniagaan runcit, kursus pengurusan rekod kewangan dan kursus pengurusan dan pentadbiran koperasi. Kursus-kursus ini dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang berkaitan dan membantu usahawan meningkatkan pendapatan mereka. Di samping itu, sebagai salah satu usaha mengembangkan perniagaan usahawan Orang Asli, pihak JAKOA juga telah menggalakkan semua usahawan Orang Asli untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Aktiviti pemantauan ke atas usahawan juga telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Melalui pengemaskinian data yang dijalankan seramai 121 orang

daripada 225 orang penerima bantuan (53.7%) telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 30%. Manakala, sebanyak 74 usahawan (32%) telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Sehingga tahun 2018, seramai 225 orang usahawan Orang Asli telah menerima bantuan di bawah geran Bimbingan Usahawan JAKOA. Untuk tujuan itu bagi usaha untuk **meningkatkan penglibatan Orang Asli** dalam bidang keusahawanan, JAKOA telah menggalakkan Orang Asli yang terdiri daripada lepasan Program Latihan Kemahiran & Kerjaya (PLKK) dan Lulusan IPT untuk memohon bantuan geran Bimbingan Usahawan yang disediakan setiap tahun. Bagi meningkatkan penglibatan lebih ramai belia/beliawani Orang Asli yang rata-rata lebih mesra kepada teknologi, JAKOA turut menganjurkan kursus e-Usahawan untuk melatih mereka mengurusniaga menggunakan platform digital dan elektronik.

Pada masa ini terdapat sebanyak 95 buah Koperasi Orang Asli di tubuhkan sehingga tahun 2018 dengan keanggotaan seramai 13,745 ahli dan aset koperasi sebanyak RM11.4 juta. Menerusi fokus untuk **memperkasakan Koperasi Orang Asli**, pihak JAKOA akan menganjurkan kursus-kursus kemahiran koperasi secara *in-house* kepada Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Orang Asli dengan kerjasama Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Selain daripada itu, pihak JAKOA juga akan membantu ALK Orang Asli yang berminat untuk menyertai lain-lain kursus yang dianjurkan oleh MKM. Bagi memperkasa aktiviti koperasi, JAKOA juga menyediakan geran Koperasi Orang Asli bagi membantu pihak koperasi mengembangkan perniagaan mereka. Sehingga kini, sebanyak 4 buah koperasi Orang Asli telah menerima bantuan geran koperasi bernilai RM545,000.00. Bagi tujuan pemantauan dan keberkesanan program bantuan ini, JAKOA menasaskan sebanyak 20 buah koperasi berjaya meningkatkan pemilikan aset sehingga RM1juta dalam tempoh RMKe-11.

Sekian terima kasih